

13 MAY 2003

I

DR MAHATHIR RASMI HARI BELIA KEBANGSAAN KHAMIS INI

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyertai golongan belia meraikan Hari Belia Kebangsaan tahun ini bertemakan "Menjana Kecemerlangan Bangsa" pada Khamis ini.

Perdana Menteri juga antara lain akan menyampaikan Anugerah Duta Belia 2003 dan Anugerah Perdana Pertubuhan Belia pada perhimpunan di Stadium Putra, Bukit Jalil itu.

Menurut kenyataan Kementerian Belia dan Sukan hari ini, Anugerah Duta Belia 2003 akan diberikan di kalangan sekumpulan individu berdinamik berumur antara 15 dan 40 tahun berdasarkan sumbangan mereka kepada masyarakat, pembabitan dalam pertubuhan bukan kerajaan, bakat dan pencapaian mereka.

Kementerian itu berkata beberapa aktiviti dan sambutan juga akan diadakan sempena Hari Belia bagi mengiktiraf serta menghargai sumbangan dan kejayaan golongan belia di negara ini.

Sambutan itu dimulakan dengan Konvensyen Belia Kebangsaan selama tiga hari mulai semalam yang akan dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sebuah hotel di sini malam ini, kata kenyataan itu lagi.

Mengenai tema sambutan, kenyataan itu berkata ia melambangkan hasrat kementerian untuk memberikan tumpuan kepada pembangunan dan kesinambungan kecemerlangan golongan belia.

Sempena sambutan berkenaan, beberapa aktiviti seperti perlumbaan kereta kawalan jauh, pertandingan karaoke serta memanjat tembok akan diadakan pada Khamis dan Jumaat ini di Dataran Putra, Kompleks Sukan Negara.

-- BERNAMA

HM AHH ROS